



TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MERANGKAP
PENGURUSI JAWATANKUASA PENGURUSAN
BENCANA PUSAT**

SEMPENA

**SAMBUTAN BULAN KESIAPSIAGAAN NASIONAL 2025
& 10 TAHUN NADMA**

**ISNIN, 13 OKTOBER 2025
PADANG FA JERANTUT, PAHANG**

SALUTASI AKAN DIBERIKAN SEMASA MAJLIS

Bismillahirrahmanirrahim

Terima Kasih Saudara/ Saudari Pengerusi Majlis

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, kita panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dapat bersama-sama berhimpun pada petang ini dalam satu majlis yang sangat signifikan iaitu Bulan Kesiapsiagaan Nasional sebagai simbol kesepaduan dan kesiagaan negara dalam menghadapi risiko dan realiti bencana.
2. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menetapkan 13 Oktober setiap tahun sebagai sambutan Hari Pengurangan Risiko Bencana Peringkat Antarabangsa. Jadi mengambil semangat itu, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah menjadikan bulan Oktober setiap tahun sebagai Bulan Kesiapsiagaan Peringkat Nasional bermula dari tahun 2016 lagi.
3. Dengan tema yang dibawa pada tahun ini iaitu “**Sentiasa Siaga, Bencana Terjaga**” yang membawa maksud kesiapsiagaan berterusan membolehkan bencana dapat ditangani dengan teratur, cepat dan berkesan demi keselamatan rakyat dan kesejahteraan negara, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

OBJEKTIF BKN DAN 10 TAHUN NADMA

4. Tujuan sambutan Bulan Kesiapsiagaan Nasional adalah jelas, iaitu untuk meningkatkan kesedaran semua pihak betapa pentingnya kesiapsiagaan menghadapi dan mengurangkan risiko bencana melalui pendekatan menyeluruh kerajaan (*whole-of-government*) dan penglibatan aktif komuniti setempat (*whole-of-society*).

5. Sedekad kolektif dalam kesiapsiagaan negara, NADMA genap 10 tahun pada 1 Oktober yang lalu. Penubuhan NADMA amat signifikan dan begitu dekat di hati saya kerana sayalah yang telah mengilhamkan penubuhannya. Pada ketika itu, Kerajaan mengambil keputusan untuk menubuhkan NADMA sebagai sebuah agensi khas yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengurus dan menyelaraskan bencana, menggantikan peranan yang sebelum ini dipikul oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).
7. Keputusan ini diambil bagi memastikan pengurusan dan tindak balas terhadap bencana dapat dilaksanakan dengan lebih berupaya, cekap, serta menepati tuntutan dan cabaran semasa. Dengan adanya NADMA, penyelarasan pengurusan bencana dan bantuan dapat berfungsi dengan lebih teratur, berfokus dan berkesan.
8. Sejak penubuhannya, NADMA terus mengorak langkah dengan cemerlang, bukan sahaja dalam menggalas tanggungjawab menguruskan bencana di dalam negara, malah turut membawa nama Malaysia di peringkat antarabangsa. Pelbagai bentuk bencana daripada banjir, bencana industri, maritim, udara, kimia, jerebu sehinggalah ke pandemik COVID-19 telah berjaya ditangani dengan penuh dedikasi. Syabas dan tahniah di atas satu dekad pencapaian NADMA!

PENGISIAN PROGRAM BKN DI JERANTUT

Hadirin dan hadirat sekalian,

9. Pemilihan daerah Jerantut sebagai lokasi penganjuran BKN tahun ini mengikut prinsip **Penyetempatan (*Localization*) yang digariskan di dalam dokumen Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030** iaitu membawa agenda kesiapsiagaan bencana lebih dekat kepada masyarakat setempat. Kedudukan daerah ini yang terletak berhampiran dengan Taman Negara dan aliran Sungai Pahang, mengingatkan kita tentang kerentanan negeri ini terhadap pelbagai ancaman bencana.

10. Sejak semalam program pengukuhan rohani dan ukhwah telah dimulakan melalui penganjuran **Majlis Rehlah Perdana MADANI Siaga** di Masjid Tengku Ahmad.
11. Selain itu, bagi merakyatkan ekonomi, kita juga mengadakan **Program Jualan Usahawan Desa** bagi mempromosikan produk keluaran penduduk tempatan sekaligus dapat meluaskan jaringan ekonomi usahawan luar bandar.
12. Bukan itu sahaja, **Program Jualan Rahmah MADANI** dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) juga dibuat di sini hari ini supaya dapat membantu penduduk di sini meringankan kos pembelian barangan harian mereka.

KEJAYAAN NADMA DALAM 10 TAHUN

Hadirin dan hadirat sekalian,

(i) DOKUMEN RASMI

13. Bencana yang berlaku sememangnya tidak dapat dielakkan. Namun, risiko dan impaknya boleh diminimumkan sekiranya kesiapsiagaan sentiasa diamalkan dan dipertingkatkan.
14. Atas kefahaman itu, Kerajaan melalui NADMA telah memperkukuh dasar dan tadbir urus bencana negara melalui tiga (3) dokumen penting iaitu Arahan NADMA No. 1: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara; yang kedua, Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 dan yang ketiga Garis Panduan Pelaksanaan Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) di Malaysia.
15. Terbaharu, NADMA juga akan **menghasilkan Dokumen Prosedur Tetap Operasi (PTO)** yang disemak semula dan dikemaskini merangkumi semua jenis bencana, sebagai rujukan kepada semua agensi yang terlibat dalam operasi pengurusan bencana.

(ii) KESIAPSIAGAAN OPERASI DAN PENGUKUHAN ASET JENTERA

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Dari aspek kesiapsiagaan operasi dan pengukuhan aset dan jentera juga Kerajaan telah menunjukkan komitmen yang jelas dalam memperkukuh sistem pengurusan bencana.
17. Antara inisiatif yang telah mantap ialah pengoperasian Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) yang berfungsi 24 jam sehari sebagai pusat penyelarasan dan koordinasi maklumat bencana.
18. Kita juga memberi fokus kepada pembangunan infrastruktur yang lebih berdaya tahan seperti pembinaan Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB). Untuk itu, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM135 juta bagi menyediakan kemudahan yang menyeluruh meliputi dewan terbuka dan fasiliti logistik.
19. Sehingga kini, sebanyak 15 projek pembinaan baharu PPKB sedang dalam perancangan atau pelaksanaan; tiga (3) projek naik taraf PPS kepada PPKB di mana dua (2) daripadanya telah siap dan satu (1) lagi masih dalam pembinaan. **Dan suka untuk saya mengumumkan di Jerantut juga akan dibina PPKB ini.**
20. Selain itu, bagi memperkukuh keupayaan logistik negara, pada tahun ini NADMA telah membuat perolehan tambahan dua (2) set *Bailey Bridge* untuk kegunaan mendesak. Sebelum ini, sebanyak lima (5) set telah dibekalkan kepada negeri Kelantan, Sabah dan Sarawak untuk membantu mempercepatkan pemulihan infrastruktur jalan yang terjejas akibat bencana.
21. Kit makanan bencana juga telah melalui banyak fasa penambahbaikan melalui kerjasama dua (2) hala Agensi Kerajaan (G2G) antara NADMA dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi pembekalan kit makanan tersebut.
22. Pembekalan kit makanan ini juga telah diperluaskan edarannya dan tidak hanya tertumpu semasa MTL sahaja, malah boleh diagihkan ketika apa jua bencana yang berlaku sepanjang tahun. Petugas

operasi hadapan di lapangan turut diberikan makanan *retort* mengikut keperluan selain mangsa bencana.

(iii) PEMULIHAN PASCA BENCANA

23. Bagi menghadapi sebarang bentuk bencana yang berlaku pada tahun 2025, NADMA telah menyalurkan **peruntukan bantuan bencana kepada semua negeri dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM284.8 juta** merangkumi pemberian Bantuan Wang Ihsan (BWI) bernilai RM1,000 untuk Ketua Isi Rumah (KIR) yang terjejas dan BWI Kematian bernilai RM10,000 untuk waris kepada mangsa bencana yang meninggal dunia.
24. Bermula MTL 2025/2026 ini mangsa-mangsa bencana yang terkesan akan menggunakan aplikasi tunggal untuk membuat **pendaftaran mangsa serta permohonan BWI secara sendiri melalui aplikasi MyInfoBencanaJKM (MYIBJKM)**. Sistem ini dibangunkan untuk mempercepatkan proses pembayaran BWI kepada mangsa-mangsa bencana tanpa sebarang karenah birokrasi. Bagi memastikan pembayaran yang segera Bank Simpanan Nasional telahpun dilantik untuk menguruskan bayaran bantuan secara *electronic fund transfer* (EFT).
25. Saya juga yakin rakyat pasti ternanti-nanti bantuan BWI yang cepat tanpa sebarang karenah birokrasi. Justeru bermula MTL 2025/2026 sepertimana keputusan Jemaah Menteri, penggunaan aplikasi MYIBJKM merupakan aplikasi tunggal bagi pendaftaran mangsa dan permohonan BWI. Melalui MYIBJKM pemohon akan menerima bayaran BWI daripada BSN dalam masa 7 hari dari tempoh pendaftaran selaras dengan aspirasi MYIBJKM-BWI-BSN 1K-1KIR-1Minggu (1 Ribu - 1 Ketua Isi Rumah - 1 Minggu)
26. Bagi memastikan MYIBJKM dapat diterimapakai oleh rakyat, siri-siri kempen telah dilaksanakan sejak bulan Ogos yang lalu. NADMA, JKM dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah menggerakkan kempen pendaftaran awal peringkat nasional. Setakat ini aplikasi MYIBJKM telah merekodkan pendaftaran seramai **75,000 KIR** sebagai berbanding sasaran 85,000 KIR (purata penerima BWI setiap tahun). Negeri **Kelantan dan**

Terengganu mencatatkan jumlah pendaftaran tertinggi, iaitu hampir **47 peratus daripada keseluruhan pengguna** MyIBJKM setakat ini.

27. Sebagaimana saya selalu tekankan, Program Community-Based Disaster Risk Management (CBDRM) mesti terus dipergiat. Program ini dapat memberi pengetahuan dan kemahiran kepada komuniti untuk menjadi penyelamat awal dan agen pengurangan risiko.
28. Sehingga 5 Oktober 2025, sebanyak 145 program CBDRM telah dilaksanakan di seluruh negara, melibatkan 33,892 peserta yang terdiri daripada ketua komuniti, belia, NGO dan komuniti luar bandar. NADMA telah melaksanakan program tersebut dengan kerjasama rakan strategik seperti Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) serta pelajar-pelajar universiti dan sekolah.
29. Pasca Nilai atau *After Action Review* amat penting untuk mengukuhkan akauntabiliti. Oleh itu, NADMA kini sedang menyediakan Dokumen Mekanisme Inspektorat Pengurusan Operasi Bencana bagi membuat penilaian terhadap kepatuhan dan prestasi JPBN/JPBD di tiga fasa pengurusan bencana iaitu sebelum, semasa dan selepas berlaku bencana. Dokumen ini dijangka siap pada tahun 2026.
30. Kejayaan pengurusan bencana tidak akan tercapai tanpa sokongan sukarelawan dan NGO. Hasil koordinasi erat bersama NADMA, kini platform Rakan NADMA telah berjaya menghimpunkan lebih 27,000 sukarelawan dan NGO.
31. Sebagai contoh, hampir RM1.5 juta sumbangan pelbagai bentuk diterima melalui kerjasama Rakan NADMA Korporat dan NGO bagi misi bantuan Sabah pada September lalu. Saya sendiri juga telah menggerakkan Rakan NADMA - Yayasan Pelajaran MARA untuk membantu misi bantuan di Sabah.

32. Kerajaan komited untuk terus memperkukuh jaringan ini agar segala bentuk bantuan dapat disalurkan dengan lebih efektif, teratur, dan tanpa sebarang pertindihan. Platform Gagasan Rakan NADMA yang terdiri dari Rakan NADMA NGO, Rakan NADMA Korporat dan Rakan NADMA Akademia mampu menyumbang ke arah pemerkasaan komuniti yang cakna bencana.
33. Justeru, sebentar lagi saya akan **menyampaikan Sijil Rakan NADMA NGO kepada Majlis Tindakan Sosial Pahang (MTSP)** sebagai simbolik agar Rakan NADMA di Pahang sama ada NGO, badan korporat mahupun akademia akan bersama-sama Rakan NADMA di seluruh negara berganding bahu membantu mangsa bencana yang memerlukan.

PENUTUP

34. Dan pada hari ini juga, saya berbesar hati untuk **melancarkan buku hasil penulisan Datuk Seri Dr. Zaini Ujang, mantan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi yang bertajuk Banjir: Fakta dan Mitigasi**". Buku ini mengemukakan perspektif menyeluruh tentang bencana banjir, merangkumi fakta dan faktor penyebab, risiko serta kaedah mengatasi dan adaptasi di Malaysia. Buku ini berkongsi kefahaman mengenai fenomena banjir, terutamanya risiko bencana, impak perubahan iklim dan keadaan tidak menentu pasca normal.
35. Saya menaruh harapan yang besar kepada NADMA selaku agensi peneraju pengurusan bencana perlu sentiasa memastikan langkah-langkah pengurusan bencana yang diambil adalah relevan dengan cabaran dan kompleksiti semasa serta meningkatkan keupayaan negara dalam menghadapi dan menguruskan bencana dengan lebih baik.
36. Akhir kata, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada NADMA dan Kerajaan Negeri Pahang sebagai tuan rumah bagi pelancaran Bulan Kesiapsiagaan Nasional 2025. Penghargaan juga kepada semua agensi yang terlibat dalam menjayakan program ini.

37. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya melancarkan **Bulan Kesiapsiagaan Nasional Tahun 2025**

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.